

BORANG PENDAFTARAN PASUKAN MSSPP 2012

PERMAINAN / SUKAN : TENIS
NAMA SEKOLAH : _____
JANTINA : **LELAKI / PEREMPUAN** KUMPULAN UMUR: **12 / 15 / 18 TKB**
(TARIKH TUTUP: **19 JANUARI 2012, JAM 4.30 PETANG**)



BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	NO. TELEFON
1			
2			

ACARA INDIVIDU (12 / 15 / 18 TKB)

BIL	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN
1		
2		
3		
4		
5		

ACARA BEREGU (12 / 15 / 18 TKB)

BIL	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN
1		
2		
3		

ACARA PASUKAN (12 / 15 / 18 TKB)

BIL	NAMA PENUH	NO. KAD PENGENALAN
1		
2		
3		
4		
5		

Mengesahkan bahawa segala maklumat yang dinyatakan di atas adalah benar.

Pengurus Pasukan

Nama :
No .K/P :
Tarikh :

PENGETUA SEKOLAH

Cop Rasmi :
Tarikh :

*Fotostat borang jika tidak cukup.
Sila asingkan pemain mengikut umur.

PERATURAN-PERATURAN KEJOHANAN TENIS MSSPP 2012

1. Kejohanan Tenis MSSPP adalah di bawah pengelolaan Jawatankuasa Teknik Tenis MSSPP.
2. Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan-peraturan AM MSSM dan MSSPP, Undang-undang Persatuan Tenis Antarabangsa, Undang-undang dan Peraturan Lawn Tenis Malaysia.
3. **Kelayakan:**
 - 3.1 Pelajar yang belajar **sepenuh masa** di sekolah-sekolah yang berdaftar sebagai anggota MSSPP.
 - 3.2 Hanya seorang Pelajar Tingkatan 6 Atas sahaja boleh bertanding dalam Kumpulan Umur 18 tahun dengan bukti yang **disahkan oleh Pengetua / Penolong Kanan Sekolah berkenaan**:
 - a. Salinan Surat Tawaran Rasmi Kemasukan ke Tingkatan 6 Rendah.
 - b. Salinan Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 6 Rendah untuk pelajar Tingkatan 6 Atas.
 - 3.3 Pelajar yang telah **digantung** oleh sekolahnya, Persatuan / Badan Sukan Negeri, Persatuan / Badan Sukan Kebangsaan adalah dilarang mengambil bahagian dalam Kejohanan ini.

Sekolah / Peserta yang telah membuat bayaran yuran penyertaan kepada Kerani Unit Sukan / Bendahari jawatankuasa pertandingan sahaja akan dibenarkan bertanding.
 - 3.4 **Pendaftaran yang melewati tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayani.**
4. **Jenis Pertandingan:**
 - 4.1 Pertandingan Perseorangan Lelaki 18TKB, 15TKB dan 12TKB.
 - 4.2 Pertandingan Perseorangan Perempuan 18TKB, 15TKB dan 12TKB.
 - 4.3 Pertandingan Beregu Lelaki 18TKB, 15TKB dan 12TKB.
 - 4.4 Pertandingan Beregu Perempuan 18TKB, 15TKB dan 12TKB.
 - 4.5 Pertandingan Berpasukan Lelaki 18TKB, 15TKB dan 12TKB.
 - 4.6 Pertandingan Berpasukan Perempuan 18TKB, 15TKB dan 12TKB.
5. **Had Umur Peserta:**
 - 5.1 Kiraan umur peserta adalah pada 1 Januari tahun Kejohanan diadakan.
 - 5.2 Seorang peserta hanya dibenarkan menyertai Kejohanan dalam Kumpulan umurnya.
 - 5.3 Seorang peserta hanya dibenarkan menyertai Kejohanan dalam satu Kumpulan umur sahaja.
 - 5.4 Pelajar yang sedang menunggu Keputusan SPM adalah tidak layak menyertai Kejohanan.
6. **Sistem Kejohanan:**
 - 6.1 Sekurang-kurangnya 4 pasukan / peserta dalam satu acara diperlukan untuk menjalankan Pertandingan. Pertandingan akan dijalankan secara kalah mati.
 - 6.2 Untuk semua permainan peringkat awal, kiraan mata "Pro-set" akan digunakan (1 set : 8 mata). "Tie-break" akan dijalankan apabila kiraan mata sampai ke mata 7 sama (7-7).

6.3 Pertandingan Perseorangan dan Beregu:

6.3.1 Di peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir, tiap-tiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 set terbaik.

6.3.2 "Tie-break" akan dijalankan apabila kiraan 6 sama (6-6).

6.3.3 Jika set penentuan diperlukan, maka peserta-peserta dibenarkan berehat tidak lebih daripada 5 minit.

6.4 Pertandingan Berpasukan:

6.4.1 Di peringkat Separuh Akhir dan Akhir sahaja, tiap-tiap perlawanan akan diputuskan dengan 3 set terbaik.

6.5 Hanya 5 minit sahaja atau 3 kali panggilan akan diberi kepada seorang peserta untuk melaporkan diri dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma (walk-over) dengan kiraan 8 – 0 atau 6 – 0 / 6 – 0.

6.6 Peserta yang terlibat dalam perlawanan lain yang bertembung dengan pertandingan yang sedang dijalankan akan diberi masa rehat 15 minit sesudah perlawanan yang sedang dimainkan tamat, sebelum perlawanan yang satu lagi.

6.7 Senarai nama peserta mengikut susunan perlawanan untuk Acara Berpasukan hendaklah disampaikan kepada Referi Kehormat 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.

6.8 Sebarang gantian adalah tidak dibenarkan selepas perlawanan dimulakan.

6.9 Pengadil hanya diguna bila pertandingan memasuki peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir sahaja. Bagi peringkat awal pemain akan mengira sendiri, tetapi penganjur akan menyediakan pengadil jika terdapat masalah yang timbul semasa perlawanan berkenaan.

7. Peraturan Pertandingan Acara Berpasukan:

7.1 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftarkan satu pasukan sahaja.

7.2 Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada 4 orang peserta dan tidak melebihi 5 orang peserta.

7.3 Semua peserta yang didaftar dalam pasukan mesti **dari sekolah yang sama.**

7.4 Setiap pasukan mesti mengandungi dua perseorangan dan satu beregu.

7.5 Seorang peserta hanya dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja dalam pasukannya bagi satu-satu perlawanan. Peserta tersebut boleh bermain sama ada acara perseorangan atau beregu bagi perlawanan berikutnya.

7.6 Pertandingan antara pasukan akan dibatalkan sekiranya hanya terdapat 2 buah sekolah sahaja yang akan mengambil bahagian.

8. Peraturan Pertandingan Perseorangan dan Beregu:

8.1 Tiap-tiap sekolah dibenarkan mendaftar **enam peserta perseorangan** dan **empat beregu** untuk setiap kumpulan umur (18TKB, 15 TKB atau 12TKB).

8.2 Seorang peserta boleh menyertai kedua-dua acara Perseorangan dan Beregu, iaitu satu perseorangan dan satu beregu. Kedua-dua peserta dalam sesuatu beregu hendaklah **dari sekolah yang sama**.

8.3 Semua peserta mesti melaporkan diri kepada Referi Kehormat 15 minit sebelum masa permulaan sesuatu Pertandingan.

8.4 Peserta yang tidak hadir, lewat atau tidak bersedia pada masa yang ditetapkan akan dianggap sebagai memberikan kemenangan percuma (walk-over) kepada lawannya.

8.5 Dalam acara beregu, gantian tidak dibenarkan jika pengganti itu telah didaftarkan dalam beregu yang lain.

9. Tarik Diri:

Sekolah yang telah bertanding dalam acara berpasukan di peringkat awal **tidak dibenarkan menarik diri** di pertengahan pertandingan. Sekolah berkenaan akan diminta memberi alasan secara bertulis kepada Jawatankuasa Disiplin yang akan diketuai oleh Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan.

Sekolah yang telah mendaftarkan pelajarnya dalam acara Perseorangan dan Beregu akan diminta memberi alasan secara bertulis kepada Jawatankuasa Disiplin (yang diketuai Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan) jika peserta tersebut tidak hadir untuk kejohanan ini.

10. Kod Pakaian Peserta Kejohanan:

10.1 Guru-guru yang bertugas atau mengiringi pesertanya harus memastikan:

a. Pesertanya memakai pakaian yang bersesuaian dengan permainan dan tidak memakai pakaian yang mencolok mata (mendedahkan bahagian-bahagian tubuh badan yang tertentu) khususnya peserta perempuan.

b. Peserta lelaki tidak dibenarkan memakai subang.

c. Semua peserta tidak dibenarkan mewarnakan rambut.

11. Semua guru atau peserta Kejohanan tidak boleh sama sekali mengeluarkan kata-kata kasar terhadap pengadil / pegawai yang bertugas sepanjang masa kejohanan ini dilangsungkan. Tindakan Tata tertib akan diambil terhadap mereka yang tidak patuh kepada peraturan ini.

12. Bantahan:

Sebarang bantahan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan ditandatangani **Pengurus Pasukan yang mesti merupakan guru dari sekolah yang berkenaan**. Bantahan itu mesti diserahkan kepada Setiausaha Pengelola atau wakilnya tidak lewat daripada **SATU JAM**

selepas perlawanan berkenaan tamat dan disertai bayaran RM50.00. Wang tersebut tidak akan dikembalikan jika didapati bantahan itu tidak berkesan.

13. Juri Rayuan:

Juri rayuan adalah terdiri daripada minima 5 orang dan maksima 7 orang ahli. Mereka termasuk Pengerusi Pengelola, Pengerusi Teknik Tenis dan 2 hingga 4 orang pengurus atau pengadil dari sekolah yang berkecuali.

14. Wakil MSSPP ke MSSM:

Salah satu tujuan utama Kejohanan ini adalah untuk memilih pemain-pemain tenis yang akan mewakili MSSPP ke Kejohanan Tenis MSSM. Pemain-pemain ini akan ditentukan oleh Panel Jawatankuasa Teknik, Pemilihan dan Latihan yang akan dilantik oleh Pengerusi Teknik Tenis MSSPP dan dipengerusikan oleh beliau sendiri.

15. Keselamatan Semasa di Kompleks Tenis:

Pihak sekolah adalah bertanggungjawab mendapat kebenaran dan persetujuan bertulis daripada ibu / bapa waris pelajarnya yang ingin mengambil bahagian dalam Kejohanan ini.

Semua pengurus pasukan / guru pengiring dan peserta adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan diri sendiri dan harta atau alat masing-masing. Pihak pengelola hanya akan memberi perhatian kepada kes-kes kecemasan sahaja.

Semua peserta tidak dibenarkan berkeliaran di pavilion stadium USM.

Semua peserta juga mesti peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kompleks Tenis.

16. Kebersihan:

Semua pengurus pasukan / guru pengiring dan ketua pasukan sekolah harus memastikan peserta-pesertanya sentiasa menjaga kebersihan kawasan di sekitar Kompleks Tenis USM sebelum meninggalkan kompleks ini.

*** Perhatian kepada semua PK KO-K / Pengurus Pasukan / Guru Pengiring:**

Sila pastikan semua peraturan dipatuhi untuk mengelakkan sebarang kesalahfahaman atau tindakan yang tidak diingini dikenakan ke atas pasukan tuan / puan.